

**SULIT**  
**1103/1**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 1**  
**2018**  
2 ¼ jam

---

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan mengadakan rumah terbuka**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

**Bahagian B**

[ 100 markah ]

[ Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Kebanyakan remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia mengimpikan kerjaya yang dapat menjamin masa depan.

Huraikan faktor-faktor pemilihan kerjaya untuk menjamin masa depan bagi seseorang remaja.

2. Budaya ilmu sangat penting kepada masyarakat di samping dapat memberikan sumbangan kepada semua pihak.

Jelaskan peranan ibu bapa dalam usaha membantu anak-anak menguasai pelbagai bidang ilmu.

3. Transformasi dalam pengangkutan awam masa ini merupakan mercu tanda Malaysia dalam sistem pengangkutan yang dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat.

Huraikan usaha-usaha yang dapat diambil oleh kerajaan untuk memajukan pengangkutan awam.

4. Kejayaan atlet pada peringkat antarabangsa dapat meningkatkan imej sesebuah negara.

Bincangkan.

5. Anda telah membaca sebuah novel yang banyak membawa pengajaran yang dapat dijadikan pedoman hidup.

Tulis ulasan novel tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**